

BULETIN

Memajukan Pembangunan Sosial
Melalui Pemerkasaan Komuniti



APPGM-SDG

MODEL DAN PEMBANGUNAN EKONOMI PULAU-PULAU KECIL TUMPAT: STRATEGIK, BERSEPADU DAN SELARI DASAR NASIONAL

YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Tumpat



Kolum Dari Parlimen
ke Akar Umbi

Model dan
Pembangunan Ekonomi
Pulau-Pulau Kecil
Tumpat: Strategik,
Bersepadu dan Selari
Dasar Nasional

03

Suara dari Akar Umbi

Di Sebalik Keindahan
Alam: Cabaran
Pembangunan dan
Kelestarian Komuniti
Pulau

04

Suara dari Akar Umbi

Suara dari Pulau:
Catatan SDG dari
Pulau Sakar

06

KANDUNGAN

Suara dari Akar Umbi

'Alah Bisa, Tegal
Biasa': Kecekanan
Penduduk Pulau
Suri, Kelantan

08

Sorotan Acara

Program Jahit & Jana
Perkasa Wanita
Kampung Lohan Skim
II, Sabah

10

Sorotan Acara

Laluan Sejarah dan
Harapan: Catatan
Tiga Hari di
Parlimen Jerantut

11

Sorotan Acara

Dari Idea kepada
Impak: Pemantapan
Projek Melalui
Pemikiran Logik

13

Sorotan Acara

3 Hari Menyelami Nadi
Kubang Kerian

14

Memperkasa 1,380
Rakyat: APPGM-SDG
Melancarkan ToT
Intervensi Dasar

16

Sorotan Acara

Projek Naik Taraf
Jalan & Titi di
Spooner Road,
Ipoh

17

Ahli Parlimen Turun
Padang

18

Pasukan Editorial:

Penyunting

Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Pereka Kulit dan
Pereka Susun Atur

Kezia Sim Kui Ting
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

**Ikuti Kami untuk
Maklumat Lanjut**



@APPGMSDGMY



APPGM-SDG Secretariat



@appgm_sdg



@appgmsdg



MODEL DAN PEMBANGUNAN EKONOMI PULAU-PULAU KECIL TUMPAT: STRATEGIK, BERSEPADU DAN SELARI DASAR NASIONAL

Oleh YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi
(Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG; Ahli Parlimen Tumpat)

Pulau-pulau kecil di Tumpat mempunyai kedudukan yang unik dan strategik berbanding banyak pulau kecil lain di Malaysia. Selain bergantung kepada aktiviti perikanan dan tanaman kelapa, lokasinya yang hampir dengan pusat pentadbiran dan ekonomi negeri iaitu Kota Bharu serta pekan Tumpat itu sendiri memberi kelebihan dari segi akses pasaran, logistik dan perkhidmatan awam. Faktor jarak ini membuka ruang penyelesaian pembangunan yang lebih realistik dan kos efektif.

Sebagaimana yang diketengahkan dalam Laporan Cadangan Dasar APPGM-SDG, komuniti pulau-pulau kecil lazimnya berdepan cabaran ketersambungan fizikal, kekurangan sumber ekonomi alternatif serta risiko kemiskinan berulang. Dalam konteks pulau-pulau kecil di Tumpat, kelebihan geografi boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi komuniti.

Asas Ekonomi Sedia Ada

Ekonomi pulau-pulau di Tumpat adalah berteraskan perikanan sungai, muara dan laut pesisir serta udang sungai bernilai tinggi. Tanaman kelapa menjadi sumber penting melalui penghasilan santan, kerisik, arang tempurung kelapa, gula melaka dan kraf lidi. Produk berasaskan nipah dan potensi sebagai tempat pelancongan komuniti kampung nelayan turut menyumbang kepada pendapatan setempat.

Namun, kebergantungan tinggi kepada sektor perikanan menyebabkan pendapatan mudah terjejas disebabkan oleh faktor cuaca, musim monsun dan turun naik hasil tangkapan.

Integrasi Industri Sabut Kelapa (*coco peat*)

Pembangunan industri sabut kelapa melengkapkan rantai nilai kelapa dengan pendekatan sisa sifar (*zero waste*). Isi kelapa dimanfaatkan untuk santan dan kerisik, tempurung untuk arang, manakala sabut diproses menjadi sabut kelapa sebagai medium alternatif pertanian. Dengan pasaran Kota Bharu yang berhampiran, produk sabut kelapa boleh dipasarkan kepada pengusaha fertigasi di Kelantan tanpa kos logistik yang tinggi.

Di samping itu, konsep agro-pendidikan dan pelancongan komuniti – seperti demonstrasi pemprosesan kelapa, pengalaman rumah inap desa dan makanan tradisi seperti keropok serta ikan kering – mampu menambah nilai ekonomi setempat.

Penyesuaian Cadangan Polisi kepada Tumpat

Selaras dengan cadangan dalam laporan APPGM-SDG, Tumpat boleh dijadikan projek perintis melalui:

- Zon Pembangunan Pulau Strategik bagi pengiktirafan rasmi kluster pembangunan khas.
- Subsidi bot dan jadual tetap memandangkan jarak dekat memudahkan pelaksanaan kos efektif.
- Kluster industri pesisir bersepadu yang menggabungkan perikanan, kelapa, sabut kelapa dan pelancongan komuniti.
- Platform Jawatankuasa Pulau Tumpat selari dengan cadangan penubuhan kumpulan kerja tematik nasional.

Kesimpulan

Pulau-pulau kecil di Tumpat bukan sekadar komuniti rentan, tetapi turut merupakan aset strategik negeri Kelantan. Dengan integrasi ekonomi tradisional dan industri baharu seperti sabut kelapa serta sokongan dasar yang tersusun, Tumpat berpotensi menjadi model pembangunan pulau kecil yang inklusif, berdaya tahan dan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan.




DI SEBALIK KEINDAHAN ALAM: CABARAN PEMBANGUNAN DAN KELESTARIAN KOMUNITI PULAU

Malaysia mempunyai sebanyak 879 buah pulau-pulau kecil, dengan 418 terletak di Semenanjung Malaysia, 319 di Sabah dan 67 di Sarawak. Daripada jumlah ini, 344 pulau masih berpenghuni. Walaupun pulau-pulau di Malaysia mempunyai keindahan alam semula jadi serta kepelbagaian budaya yang unik, namun kebanyakan komuniti pulau-pulau kecil masih berhadapan jurang pembangunan yang ketara berbanding kawasan tanah besar.

Melalui data penyelidikan pemetaan isu APPGM-SDG dari tahun 2020-2025 serta kajian kes di Pulau Mantanani (Kota Belud, Sabah), terdapatnya penduduk pulau masih tidak dapat menikmati akses kemudahan asas yang serupa seperti di tanah besar. Termasuklah akses kepada klinik kesihatan, sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Hal ini kerana kedudukan geografi yang terpencil serta jarak perjalanan yang jauh dari tanah besar mewujudkan cabaran ketersambungan fizikal. Tambahan pula, kos pengangkutan yang tinggi dan perkhidmatan bot yang tidak konsisten menjejaskan mobiliti, peluang pendidikan dan akses ekonomi penduduk.

Dari segi ekonomi setempat, pulau-pulau kecil bergantung kepada sektor tradisional seperti perikanan dan pertanian. Hanya beberapa pulau berkembang pesat sebagai destinasi pelancongan. Antaranya adalah Pulau Langkawi, Pulau Tioman, serta kepulauan di Semporna. Terdapat juga pulau-pulau membangun berasaskan sektor perindustrian seperti Pulau Indah dan Pulau Carey. Namun demikian, masih banyak pulau kecil seperti Pulau Suri, Pulau Berhala dan kepulauan di Mersing yang memerlukan perhatian pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh.

Kesan daripada kurangnya sokongan struktur ekonomi boleh dijelaskan melalui perbandingan antara Pulau Langkawi (466 km²) dan Pulau Banggi (440.7 km²) di mana kedua-dua pulau mempunyai keluasan yang hampir sama namun jumlah penduduk kedua-dua pulau adalah berbeza. Pulau Langkawi mempunyai 94,138 penduduk namun Pulau Banggi mempunyai 30,000 penduduk. Perbezaan ini dipengaruhi oleh struktur ekonomi serta dasar pembangunan yang berbeza antara kedua-dua pulau.



Peta Semenanjung & Peta Sabah: Lokasi Pulau-pulau kecil yang pernah dijalankan penyelidikan di bawah inisiatif APPGM-SDG

tersebut. Misalnya, pengisytiharan Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai pada 1 Januari 1987 telah merangsang pertumbuhan pelancongan dan memperkukuh struktur ekonominya sekali gus mengurangkan perhijrahan penduduk ke tanah besar.



Sehubungan itu, pendekatan strategik terhadap pembangunan komuniti pulau-pulau kecil perlu diberi keutamaan. Antaranya ialah memperluaskan peruntukan belanjawan serta insentif bagi penyediaan dan penambahbaikan ketersambungan fizikal laut secara menyeluruh, khususnya bagi pulau-pulau kecil yang masih ketinggalan. Inisiatif seumpama ini telah diumumkan oleh kerajaan pada 2024 di mana subsidi diesel telah dinikmati oleh pulau seperti Labuan, Langkawi dan Pulau Redang. Keadaan ini menunjukkan bagaimana sokongan pengangkutan mampu merangsang pembangunan setempat.



Kedua, model pelancongan berasaskan komuniti (CBT) perlu diperluas sebagai alternatif ekonomi yang mampan dan beridentiti tempatan. Pendekatan ini boleh disokong melalui pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berfokus kepada pelancongan lestari, hospitaliti dan keusahawanan tempatan. Langkah ini mampu mewujudkan rantai nilai ekonomi setempat, meningkatkan kebolehpasaran belia pulau serta mengurangkan kebergantungan berlebihan terhadap sektor tradisional.

Akhir sekali, kerajaan wajar mempertimbangkan penubuhan sebuah platform perbincangan nasional atau Kumpulan Kerja Tematik yang khusus memfokuskan isu pulau-pulau kecil. Pendekatan ini boleh menjadi mekanisme penyelarasan dasar merentas kementerian dan agensi, di samping memperkukuh kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, akademik dan komuniti setempat.

*Oleh Lydia Ann Bill
(Jabatan Advokasi Dasar Parlimen, APPGM-SDG)*



Untuk pembacaan selanjutnya, boleh merujuk kepada Laporan Cadangan Dasar APPGM-SDG Peringkat Parlimen:





SUARA DARI PULAU: CATATAN SDG DARI PULAU SAKAR



Terletak di perairan Lahad Datu, Pulau Sakar merupakan sebuah komuniti pulau kecil yang menjalani kehidupan jauh daripada kemudahan asas yang lazim dinikmati di kawasan tanah besar. Di sinilah kehidupan harian dibentuk oleh keadaan geografi, keterbatasan sumber, serta kekuatan hubungan komuniti yang saling bergantung antara satu sama lain.

Perjalanan Hidup yang Membentuk Ketahanan

Bagi penduduk Pulau Sakar, laut bukan sekadar pemandangan tetapi sumber kehidupan utama. Aktiviti menangkap ikan menjadi pekerjaan turun-temurun dan sebahagian daripada identiti masyarakat setempat. Setiap hari bermula dengan bot nelayan keluar ke laut, manakala waktu petang menjadi ruang berkumpul bersama keluarga selepas seharian bekerja.

Kehidupan di pulau ini menuntut penyesuaian berterusan. Aktiviti yang dianggap mudah seperti memasak, mandi, belajar, atau mengecas telefon memerlukan perancangan rapi. Tanpa kemudahan asas, penduduk membentuk rutin hidup berdasarkan apa yang ada, bukan apa yang mudah. Kanak-kanak

sejak kecil sudah memahami tanggungjawab membantu keluarga, mengurus simpanan air, memastikan penggunaan generator mencukupi, serta mengurus bekalan yang dibawa dari tanah besar.

Cabaran Harian: Hidup Tanpa Akses Bekalan Air Bersih, dan Elektrik

Realiti utama di Pulau Sakar ialah ketiadaan bekalan elektrik dan air bersih yang terawat. Penduduk tidak mempunyai sambungan elektrik tetap dan bergantung sepenuhnya kepada generator untuk menerangi kehidupan seharian mereka. Dikelilingi oleh keluarga dan saudara sebagai jiran-jiran, hubungan akrab sesama mereka menjadi tunjang utama dalam saling menghulurkan bantuan.

Semasa kami menjalankan kajian, ketika bertanya tentang cara pembelian generator, penduduk berkongsi bahawa mereka sering mengumpul wang bersama-sama untuk membeli generator, manakala kos bagi menampung minyak tanah bergantung sepenuhnya kepada ihsan dan kerjasama antara mereka. Generator biasanya hanya dihidupkan pada waktu malam, sehingga pukul 9 malam, bagi menjimatkan kos bahan api. Keadaan ini memaksa penduduk menyesuaikan aktiviti harian mengikut jadual tenaga elektrik yang terhad—anak-anak belajar di bawah cahaya yang minimum, manakala rutin harian lain dijalankan dengan penuh perancangan dan kesabaran.



Bagi bekalan air, penduduk bergantung sepenuhnya kepada air hujan yang ditadah dan disimpan dalam tangki, yang disumbangkan oleh salah sebuah hospital, untuk kegunaan harian seperti mandi, mencuci, dan membersihkan rumah. Ketika musim kemarau, kekurangan air menjadi cabaran besar, memaksa mereka mengurus penggunaan air dengan amat berjimat. Untuk meminum dan memasak, air tempatan tidak dapat digunakan, dan mereka perlu membeli air bersih di pasar di tanah besar, kemudian membawanya pulang menggunakan bot dalam bekas gelen. Proses ini bukan sahaja memerlukan kos tambahan, tetapi juga tenaga dan masa yang banyak, kerana setiap titisan air perlu diurus dengan penuh teliti sehingga perjalanan seterusnya dapat dilakukan.

Kisah Kekuatan dan Semangat Komuniti

Di sebalik segala kekangan, Pulau Sakar memancarkan keindahan nilai kebersamaan yang jarang ditemui di tempat lain. Penduduknya sentiasa bersedia membantu antara satu sama lain, terutamanya ketika menghadapi kesukaran seperti kekurangan bahan api dan beras, atau ketika dilanda badai cuaca buruk yang menghalang perjalanan ke tanah besar. Budaya berkongsi bukan sekadar adat, tetapi sudah menjadi norma hidup—jiran saling meminjamkan tenaga generator, beras, gula, garam, membantu apabila tangki air hampir habis, dan merancang perjalanan bot bersama demi menjimatkan kos.



Hubungan sosial yang erat ini bukan sahaja mengukuhkan ikatan persaudaraan, tetapi juga menjadi mekanisme utama dalam memastikan kelangsungan hidup komuniti. Ibu bapa menanamkan harapan melalui pendidikan, kasih sayang dan toleransi walaupun untuk menempuh perjalanan ke sekolah anak-anak terpaksa melalui pelbagai pengorbanan dan usaha gigih. Dalam keterbatasan, penduduk Pulau Sakar telah membina amalan



praktikal yang berakar daripada pengalaman hidup sendiri budaya perkongsian, saling tolong-menolong, dan kerjasama menjadi asas ketahanan mereka. Amalan-amalan ini menunjukkan bahawa kekurangan bukan penghalang untuk hidup bermakna, sebaliknya ia menjadi ruang untuk meneguhkan solidariti dan membina penyelesaian berdasarkan kebijaksanaan komuniti sendiri.

Lebih Daripada Cabaran: Kisah Ketahanan Sebuah Komuniti

Pulau Sakar bukan sekadar sebuah tempat yang serba kekurangan kemudahan asas, tetapi sebuah kisah nyata tentang kekuatan jiwa manusia, tentang bagaimana kelangsungan hidup dibina daripada kesederhanaan, nilai-nilai murni dipelihara dalam kesempitan, dan solidariti komuniti menjadi sumber kekuatan utama. Di sebalik jurang pembangunan yang masih jelas terasa, penduduk pulau terus menenun kehidupan mereka dengan semangat saling membantu, saling menjaga, dan membina ikatan persaudaraan yang begitu erat.

Di sini, kehidupan mengajar mereka bahawa memiliki sedikit bukan alasan untuk berhenti memberi. Dalam keterbatasan, mereka belajar berkongsi tanpa berkira, kerana setiap kesukaran dihadapi bersama, dan setiap kelegaan dirasai secara kolektif. Kisah Pulau Sakar mengingatkan kita bahawa ketahanan bukan sekadar kemampuan untuk terus bertahan, tetapi keupayaan sebuah komuniti untuk mencipta harapan, menguatkan satu sama lain, dan menemukan makna kemanusiaan yang sebenar bahawa apabila hidup serba terbatas, hati manusia menjadi lebih luas untuk tidak tamak dan sentiasa berkongsi.

*Oleh Sitti Aisyah Orlando
(Penyelaras Tempatan untuk Lahad Datu)*



'ALAH BISA, TEGAL BIASA': KECEKALAN PENDUDUK PULAU SURI, KELANTAN



Di sebalik sebuah jajahan paling kecil di Negeri Kelantan dengan keluasan hanya 169.5 km², wujudnya dataran dan beratus-ratus buah pulau sungai (*River Island*) di Tumpat yang tidak berbukit. Kehidupan komuniti di pulau kecil ini memperlihatkan satu sisi kehidupan yang jauh berbeza daripada suasana di daratan. Komuniti pulau kecil ini ada rutin, gaya dan cara mereka yang tersendiri yang membuatkan masyarakat di tanah besar menyedari kewujudan mereka sekaligus menambat hati para pelancong di seluruh Malaysia untuk datang berkunjung dan menerokai sendiri keunikan pulau ini.



Jika kereta menjadi keperluan asas di daratan, bot pula merupakan medium utama kehidupan komuniti pulau ini. Bot bukan sekadar pengangkutan, malah nadi pergerakan harian, digunakan untuk mencari rezeki, membawa penumpang, serta menghantar dan

mengambil anak-anak ke sekolah. Ia juga menjadi penghubung utama ke tanah besar bagi mendapatkan akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas. Selain bot bagi pergerakan di atas air, motosikal pula pergerakan di sekitar pulau. Laluan jalan di pulau tidak seperti jalan raya di tanah besar, jalan mereka hanya diperbuat menggunakan simen yang boleh dialui oleh kenderaan dua atau tiga roda sahaja. Istilah 'moto' yang digunakan oleh penduduk pulau adalah termasuk bot yang digunakan di air, unik bukan?

Komuniti pulau bukan sahaja mendapatkan produk dari tanah besar, malah turut menghasilkan pelbagai produk untuk dipasarkan ke tanah besar. Sepanjang kerja lapangan, kami berpeluang bertemu seorang pengusaha kerepek, iaitu seorang suri rumah berkerjaya yang mampu menghasilkan hampir ratusan paket setiap hari bagi memenuhi permintaan pasaran. Terdapat juga sebuah keluarga yang menghasilkan berguni-guni sabut kelapa, selain pengusaha yang memproses kerisik daripada isi kelapa serta pelbagai produk hiliran lain. Itu belum termasuk mereka yang aktif dalam sektor pertanian dan bercucuk tanam. Malah, kewujudan pasar terapung pada hujung minggu dapat meningkatkan lagi ekonomi penduduk disamping berniaga dan mengusahakan bot penambang.



Menariknya lagi, kehidupan bermasyarakat di pulau ini sangat erat dan harmoni. Tidak hairan, seluruh kepulauan ini kenal antara satu sama lain, kerana jika dibandingkan dengan jumlah penduduk di tanah besar, hanya peratusan kecil sahaja yang menetap di pulau ini. Masih segar dalam ingatan sewaktu kerja lapangan sebelum ini, penghulu meminjam daripada

penduduk pulau beberapa buah motosikal sebagai pengangkutan untuk pasukan saya menjayakan gerak kerja. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan apabila kami berpeluang mengelilingi pulau dengan menaiki motosikal. Memang itu cara yang terbaik sekiranya anda yang membaca berminat untuk bercuti di pulau tersebut, perlu menyewa motosikal daripada penduduk pulau.

Daerah Tumpat ini tersohor dengan banjir dan kepulauan ini juga tidak terlepas daripada bencana alam tersebut. Sebelum musim tengkujuh, penduduk pulau telah bersedia melakukan kerja gotong royong membersihkan sungai supaya aliran sungai berjalan lancar dan tidak tersumbat. Ironinya, penduduk pulau maklum tiada jentolak yang boleh dibawa masuk untuk mengorek pemendapan sungai, maka dengan kudrat yang ada, menggunakan apa yang di tangan mereka, saling bekerjasama bagi memastikan penempatan mereka tidak ditenggelami air. Keunikan



geografi pulau ini yang merupakan kepulauan sungai menjadikan pulau ini tidak seperti pulau laut yang lain seperti Langkawi. Masing-masing unik dengan cara tersendiri.

Pengalaman menjalankan kerja lapangan di pulau kecil ini memberi perspektif baharu tentang erti ketahanan dan kekuatan komuniti. 'Alah bisa, tegal biasa'—di usia awal remaja, kebolehan mengemudi bot kecil bukanlah sesuatu yang di luar jangka, kerana dari kanak-kanak hingga warga tua, penduduk di sini memiliki kemahiran dan daya ketahanan yang luar biasa. Kegigihan komuniti dalam meneruskan hidup sama sahaja dengan kehidupan di tanah besar, masing-masing sedang berjuang di tempat sendiri. Perbezaan cara hidup mereka bukan satu kekurangan, sebaliknya satu keunikan yang wajar difahami dan dihargai. Di sebalik kesederhanaan itu, terserlah nilai kemanusiaan dan kebersamaan yang begitu tinggi.

*Oleh Nor Syahida Zol @ Muhammad Zol
(Penyelaras Tempatan untuk Tumpat)*

PAPARKAN KISAH ANDA



Mahukan kisah anda dipaparkan dalam buletin kami? Jom kongsi cerita anda sekarang.





3 FEB 2026



'Program Jahit & Jana: Pemerkasaan Wanita Kampung Lohan Skim II' melalui Latihan Jahitan dan Keusahawanan yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia telah melabuhkan tirai pada 3 Februari 2026 melalui majlis penutupan yang disempurnakan oleh Ahli Parlimen Ranau, YB Datuk Jonathan Yasin.

Program ini merupakan inisiatif intervensi bersasar di bawah *Special Intervention for Local Coordinator APPGM-SDG* Daerah Ranau yang merangkumi sumbangan empat unit mesin jahit serta pelaksanaan kursus intensif selama tiga hari. Latihan dikendalikan oleh *Give 1 For Two (G1FT)* selaku rakan pelaksana dan jurulatih teknikal.

Dalam ucapannya, YB Datuk Jonathan Yasin menegaskan bahawa program ini bukan sekadar latihan kemahiran, tetapi satu pendekatan strategik bagi memperkasa wanita dan membina daya tahan ekonomi keluarga, selaras dengan agenda penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat komuniti. Beliau turut memuji komitmen APPGM-SDG yang konsisten membawa intervensi pembangunan terus ke akar umbi.



Sebagai langkah kesinambungan, satu mesyuarat bersama kepimpinan Kampung Lohan Skim II akan diadakan bagi merangka pelan gerak kerja komuniti untuk tempoh setahun. Pendekatan ini bertujuan memastikan inisiatif yang dimulakan dapat diteruskan secara berfasa, berstruktur dan menghasilkan impak sosioekonomi yang boleh diukur.

Majlis turut dihadiri oleh Pegawai Daerah Ranau, Tn. Tinus Manggam; Pengarah Urusan G1FT Pn. Zee dan Pn. Ivy, barisan kepimpinan JPKK Kampung Lohan Skim II serta para peserta program.

Seramai 16 peserta wanita dari komuniti setempat telah berjaya menamatkan latihan dan dijangka berupaya menjana pendapatan melalui perkhidmatan jahitan, penghasilan produk kreatif serta pengurusan tempahan secara lebih sistematik dan berdaya saing.

APPGM-SDG menzahirkan harapan agar model program ini dapat dijadikan rujukan kepada kampung lain di Parlimen Ranau, sekali gus menyokong agenda pembasmian kemiskinan, kesaksamaan gender dan pembangunan ekonomi inklusif di Sabah.

Oleh Norita Yapi
(Penyelaras Tempatan untuk Ranau)





LALUAN SEJARAH DAN HARAPAN: CATATAN TIGA HARI DI PARLIMEN JERANTUT

Dari 3 hingga 5 Februari 2026, pasukan APPGM-SDG telah melaksanakan lawatan pemetaan isu ke Parlimen Jerantut sebagai usaha mendengar secara langsung suara komuniti di peringkat akar umbi. Lawatan selama tiga hari ini memberi ruang kepada pasukan untuk berinteraksi dengan lapan kumpulan sasaran yang merangkumi komuniti Kampung Melayu, FELDA dan Orang Asli, dengan tujuan memahami permasalahan setempat serta mengenal pasti amalan terbaik yang wujud di kawasan tersebut.

Hari Pertama di Gua Kota Gelanggi

Hari pertama bermula dengan lawatan ke Gua Kota Gelanggi, sebuah tapak warisan bersejarah yang menjadi antara mercu tanda penting di Jerantut. Pasukan dibawa oleh Pok Chat, seorang peneroka FELDA Kota Gelanggi 01, yang kini turut menguruskan gua berkenaan dengan mandat daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Gua Kota Gelanggi bukan sekadar tinggalan geologi, malah menyimpan nilai sejarah yang tinggi sebagai lokasi persembunyian

pahlawan tempatan seperti Mat Kilau dan Tok Gajah ketika menentang penjajahan British. Naratif sejarah yang dikongsikan di tapak tersebut menzahirkan hubungan rapat antara warisan, identiti setempat dan peranan komuniti dalam pemeliharaannya. Dalam sesi dialog bersama Setiausaha Majlis Daerah Jerantut, dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan mekanisme Pemindahan Fiskal Ekologi bagi menyelaraskan insentif kewangan dengan usaha konservasi alam sekitar. Pada masa yang sama, perancangan sedang dirangka untuk menaik taraf kemudahan prasarana di sekitar gua bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan setempat.



Hari Kedua bersama Komuniti Kampung Melayu

Hari kedua menumpukan pertemuan bersama komuniti Kampung Melayu, antaranya di Kampung Bukit Genting. Menurut Tok Empat (ketua kampung), kampung ini merupakan penempatan pemindahan mangsa banjir dari kampung bersebelahan. Walaupun komuniti di sini menunjukkan semangat kebersamaan yang tinggi, masih terdapat pelbagai kekurangan yang menjejaskan kesejahteraan penduduk. Antara isu yang diketengahkan ialah



ketiadaan lampu jalan, kekurangan kemudahan riadah seperti gelanggang sepak takraw serta keperluan menaiktaraf masjid untuk kegunaan masyarakat setempat. Tok Empat turut memaklumkan bahawa beliau sedang dalam proses menyediakan dokumen bagi pembentangan permohonan untuk menjadikan kampung ini sebagai Kampung Angkat MADANI, dengan harapan sokongan yang diterima kelak dapat mempercepat pembangunan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.



Hari Ketiga di DUN Tahan

Pada hari terakhir, pasukan dibawa ke kawasan paling jauh dalam lawatan ini iaitu DUN Tahan. Perjalanan bermula seawal jam enam pagi dan mengambil masa hampir dua jam merentasi laluan berbukit yang berselekeh dengan pencahayaan jalan yang terhad. Walaupun mencabar, suasana pagi yang tenang serta pemandangan gunung yang indah ketika matahari mula terbit memberikan pengalaman yang sukar dilupakan. Kami turut berkesempatan melawat Bukit Awan yang merupakan satu daya tarikan yang berada di dalam perjalanan ke Kuala Sat namun kami tidak




sempat melihat "karpet awan" yang menjadi rebutan pelancong untuk mengambil gambar. Setibanya di Kuala Sat dan Kuala Tahan, jelas kelihatan mengapa Jerantut sering digelar sebagai pintu utama Taman Negara. Sektor pelancongan di kawasan ini diusahakan secara aktif oleh penduduk tempatan, namun kekangan dari segi infrastruktur asas seperti keadaan jalan, bekalan air bersih, capaian internet dan pengurusan sisa pepejal masih menjadi cabaran utama yang memerlukan perhatian berterusan.



Oleh Nur Syadhira Mohd Razali
(Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG)

PENERBITAN TERKINI



Walaupun penglibatan komuniti diiktiraf secara meluas sebagai elemen penting dalam pemuliharaan, kebanyakan penyelidikan lebih tertumpu kepada aspek kesedaran dan penyertaan, dengan tumpuan yang sangat sedikit terhadap mekanisme tingkah laku di geopark yang baru diiktiraf seperti Kinabalu UNESCO Global Geopark (KUGGp). Kajian ini menyiasat **tingkah laku pemuliharaan dalam kalangan komuniti orang asal** di KUGGp, Sabah, Borneo Malaysia dengan menggunakan Model Integratif Ramalan Tingkah Laku (IMBP).



**BACA
SEKARANG**



4 FEB 2026



DARI IDEA KEPADA IMPAK: PEMANTAPAN PROJEK MELALUI PEMIKIRAN LOGIK

Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) menyeru sebuah negara yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan, di mana tiada komuniti yang ketinggalan dan pembangunan dikongsi merentasi semua sektor. Dalam visi ini, sektor ketiga memainkan peranan kritikal sebagai jambatan antara dasar dan rakyat, terutamanya di peringkat akar umbi. Walau bagaimanapun, niat murni sahaja tidak mencukupi. Bagi menyokong aspirasi nasional, inisiatif komuniti mestilah berstruktur, boleh diukur, dan selaras dengan hasil pembangunan yang jelas.

Oleh itu, Akademi MySDG telah menganjurkan Bengkel Latihan Jurulatih (ToT) bagi Pendekatan Kerangka Logik (LFA) yang pertama untuk memperkukuh kapasiti perancangan projek dalam kalangan pemimpin sektor ketiga. Program ini bertujuan untuk membantu pengamal mereka bentuk projek yang bukan sahaja bermakna, tetapi juga boleh dibiayai dan didorong oleh hasil.

Bengkel dimulakan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, yang menghubungkan perbincangan dengan agenda nasional di bawah RMK-13 dan ekosistem ekonomi sosial. Beliau menegaskan bahawa organisasi sektor ketiga merupakan pemacu utama bagi pembangunan inklusif, namun mereka perlu memperkukuh tadbir urus, kelestarian kewangan, serta piawaian pengurusan projek. Beliau turut menekankan bahawa perancangan projek yang berstruktur dan hasil yang boleh diukur adalah kunci utama sekiranya sektor ketiga ingin diiktiraf sebagai rakan pembangunan yang serius.

Latihan ini telah dikendalikan oleh En. Khairuddin Md Tahir dari Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

(MIER), yang memperkenalkan LFA sebagai kerangka pengurusan projek hujung-ke-hujung yang holistik dan praktikal. Peserta mempelajari cara mengenal pasti punca utama melalui analisis pokok masalah, menjalankan analisis pihak berkepentingan, menetapkan objektif, membina penunjuk SMART, serta membangunkan Matriks Kerangka Logik (LFM). Mesej utamanya adalah jelas: setiap aktiviti mestilah menyumbang kepada output dan hasil yang nyata.

Sesi interaktif yang dikendalikan oleh Zoel Ng membolehkan para peserta mengaplikasikan kerangka tersebut dalam perbincangan kumpulan. Mereka mendefinisikan output projek yang kukuh serta memahami perbezaan antara aktiviti dan keputusan yang boleh diukur. Latihan ini menekankan bagaimana reka bentuk output yang betul dapat meningkatkan pemantauan, akauntabiliti, serta keyakinan pembiaya.

Paling utama, bengkel ini juga menghasilkan pembentukan tiga jawatankuasa kumpulan kerja untuk meneruskan momentum yang memfokuskan (1) Daya Tahan & Kebolehlihatan, (2) Kerjasama & Keterangkuman Perniagaan, dan (3) Advokasi Dasar. Kumpulan kerja ini mencerminkan keutamaan RMK-13 dalam memperkukuh kolaborasi, meningkatkan libaturnas dasar, serta memantapkan kelestarian organisasi sektor ketiga.

Lebih daripada sekadar sesi latihan, bengkel ini menandakan langkah strategik ke arah memperkasa sektor ketiga untuk menyumbang secara bermakna kepada agenda pembangunan Malaysia—beralih daripada sekadar idea kepada impak yang berstruktur, layak dibiayai, dan boleh diukur.

*Oleh Iman Nurhakim Abu Sa'ya
(Akademi MySDG)*





3 HARI MENYELAMI NADI KUBANG KERIAN

Baru-baru ini, penyelidik berpeluang menyertai siri lawatan pemetaan isu di Parlimen Kubang Kerian. Selama tiga hari kami terjun ke lapangan untuk mendengar sendiri rintihan dan harapan komuniti setempat. Jujurnya, ia satu pengalaman yang membuka mata, bukan sekadar data, tapi tentang kehidupan.

Komuniti Cina Kg. Cina Chepa

Di Kelantan, Kubang Kerian dilihat sebagai satu bandar kecil yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sosial khususnya infrastruktur. Namun, apabila penyelidik turun ke lapangan, terdapat pelbagai keunikan dan isu yang disuarakan komuniti setempat. Hari pertama bermula di Kg. Cina Chepa. Menariknya, komuniti Tionghua di sini sudah menetap di pesisir Sungai Pangkalan Datu sejak zaman-berzaman. Dapat dilihat dari sudut asimilasi, komuniti ini lebih fasih menggunakan dialek Kelantan dan budaya Kelantan, contohnya pemakaian dan makanan yang dihidangkan ialah nasi kerabu dan kuih akok iaitu kuih tradisional masyarakat Kelantan. Ini menunjukkan penerimaan mereka dari sudut perpaduan sangat tinggi. Namun, di sebalik warisan itu, mereka bergelut dengan beberapa isu asas seperti jalan persendirian yang dibina sendiri tanpa penyelenggaraan pihak berkuasa dan kekurangan akses air terawat.



Komuniti Kg. Wakaf Stan

Kami kemudian bertemu dengan penduduk Kg. Wakaf Stan, sebuah kawasan yang didiami oleh golongan elit tetapi keadaan bentuk muka bumi di situ yang seakan teluk menyebabkan mereka bergelut dengan banjir. Bayangkan, sejak 2022 mereka kerap dilanda banjir kilat hingga penduduk terpaksa mencari alternatif sendiri dengan berpakat membeli enjin pam bagi menyalurkan air keluar kawasan. Penduduk yang kebanyakannya dari sektor awam seperti doktor dan guru menyebabkan akses mereka untuk keluar tersekat oleh banjir dan ini menyebabkan kekurangan pakar bidang untuk rawatan dan pengajaran.



Pasar Tok Kenali

Sebelum matahari terbenam, kami sempat ke Pasar Tok Kenali untuk bertemu belia Gong Dermin. Dari pandangan kami, pasar ini agak suram dengan kekurangan pengunjung. Tetapi barangan basah yang dijual seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan nampak segar dan pelbagai. Belia yang ditemui kebanyakannya berpendidikan tinggi dan aktif bertani, tetapi apa yang dibimbangkan ialah mengenai isu sosial seperti penyalahgunaan ketum dan *vape*. Penyelidik juga mendapati Kubang Kerian

masih kekurangan tempat rekreasi dan riadah yang berskala besar dan dimaklumkan tiada padang awam atau padang bola disini.

Kg. Langgut dan Salor

Hari kedua membawa kami ke Kg. Langgut dan Salor. Di sini, suasananya agak nyaman dengan keindahan bendang padi yang menghijau dan udaranya yang sejuk menenangkan jiwa. Namun, "emosi" bumi bendang terasa sangat kuat. Bayangkan, pesawah kita bekerja keras tetapi kualiti padi hanya gred C ke E disebabkan masalah pengairan Pam Kemubu dan benih yang merosot. Jauh beza dengan hasil di Sekinchan atau Kedah.

Di Salor pula, kami bertemu Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Penyelidik tersentuh mendengar kisah veteran berusia 76 tahun yang berkhidmat dari zaman komunis, namun kini hanya bergantung pada elaun kecil tanpa pencen tetap.

Sisi menarik hari kedua adalah lawatan ke Makam Raja Salor. Ada kisah tragis di sebalik makam ini tentang serangan Sultan Muhammad II akibat peristiwa tikaman anak raja. Kami melihat sendiri Makam Raja Salor, isteri-isteri, keluarga dan hulubalang yang dikatakan telah dibunuh semasa serangan dari darat dan air oleh Sultan Muhammad II. Walaupun sudah diwartakan, kawasan sejarah ini memerlukan "sentuhan" pembersihan dan akses jalan yang lebih baik agar warisan abad ke-19 ini tidak terus terbiar.



Pasir Tumboh

Hari terakhir, kami ke Pasir Tumboh memfokuskan kepada penternak ikan sangkar dan para Penghulu Mukim. Uniknyanya, penternak menyatakan ikan yang ditenak pernah dipasarkan sehingga ke Temerloh. Tetapi disebabkan penternakan ini tiada tali air khusus untuk menternak, kemungkinan penternakan ini terpaksa dihentikan. Bagi penghulu, isu utama dinyatakan berkaitan dengan kesesakan dan ketiadaan lampu jalan di Denai Sungai Pengkalan Datu dan Padang Awam Gong Dermin. Kedua-dua lokasi ini adalah permata pelancongan dan rekreasi. Sayangnya, selepas Covid, Denai Sungai menjadi tidak terurus, manakala Padang Awam Gong Dermin pula berdepan ancaman hakisan tebing sungai yang membahayakan pengunjung.



Kesimpulan

Kubang Kerian mempunyai potensi besar dari sektor pertanian, sejarah, hinggalah pelancongan sungai. Satu usaha dan gerak kerja bersama perlu dijalankan bagi membangunkan sektor ini secara progresif.

*Oleh Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
(Ketua Zon Pantai Timur, APPGM-SDG)*

9 14 - 15 FEB 2026



MEMPERKASA 1,380 RAKYAT: APPGM-SDG MELANCARKAN TOT INTERVENSI DASAR

Dengan kerjasama:



“Perubahan berlaku apabila insan biasa tampil dengan penuh kasih sayang dan keberanian, dan bersama-sama kita mampu membentuk satu inisiatif ulung ke arah pembinaan sebuah masyarakat yang sejahtera, adil dan bebas.” refleksi Pn. Sridayu Samsuri, Pengerusi Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan & peserta program.



Selaras dengan tema “Dari kampung ke parlimen”, APPGM-SDG telah menganjurkan satu ‘Bengkel Latihan Jurulatih (*Training of Trainers/ToT*): Pemerkasaan Program Kejiranan Melalui Intervensi Dasar’ bagi melatih seramai 28 Pemimpin Kejiranan sebagai jurulatih untuk menjalankan dua bengkel kepada pemimpin masyarakat akar umbi bagi modul hak warganegara dan RMK-13.



Kedua-dua modul ini mempunyai dua objektif utama; (1) memperkasa peserta dengan pengetahuan hak warganegara dan (2) menggalakan penyertaan dalam proses pengambilan keputusan perangan dan pentadbiran tempatan.

Kedua-dua modul ini akan dijalankan di 46 kawasan kejuranan APPGM-SDG seluruh negara dengan sasaran pemerkasaan 1,380 orang peserta.

Program ini adalah sebahagian daripada Inisiatif Intervensi Dasar, usahasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan.



Oleh Paniirselvam Jayaraman
(Pegawai Jabatan Solusi Dasar, APPGM-SDG)

10

16 FEB 2026



PROJEK NAIK TARAF JALAN & TITI DI SPOONER ROAD, IPOH

Dengan kerjasama:



Projek Naik Taraf Jalan dan Titi di Spooner Road telah dilaksanakan melalui Dana Keperluan Khas di bawah Inisiatif Intervensi Dasar, hasil kerjasama antara APPGM-SDG, Yayasan Hasanah, Kementerian Kewangan serta Perak Caring Association.

Bagi menandakan kejayaan pelaksanaan projek ini, Majlis Pembukaan Jalan telah diadakan pada 16 Februari 2026. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Thulsi Manogaran (ADUN Buntong).

Majlis turut dihadiri oleh En. James Raj, Timbalan Pengarah Eksekutif APPGM-SDG, Dr. Thanaraj Murudi (Ketua Zon Utara), Presiden dan Timbalan Presiden PCA, Pn. Pathma, Pn. Halida selaku rakan strategik, pemimpin komuniti serta penduduk Spooner Road. Atur cara majlis merangkumi ucapan alu aluan, taklimat ringkas projek, ucapan perasmian serta gimik simbolik pembukaan jalan.

Dalam ucapan perasmian, YB Thulsi Manogaran menekankan kepentingan penyediaan prasarana asas yang selamat demi kesejahteraan rakyat. Beliau turut memuji semangat kerjasama antara NGO dan komuniti setempat dalam menjayakan projek ini.

Projek ini dilaksanakan bagi menangani keadaan infrastruktur yang sebelum ini berada pada tahap kritikal dan tidak selamat, yang menjejaskan pergerakan harian kira-kira 15 keluarga penduduk setempat. Skop kerja melibatkan penurapan jalan seluas 660 m2, penyediaan *crusher-run* setebal 150 mm, penurapan premix setebal 50 mm, pemasangan *culvert box* sepanjang 5 meter, serta kerja-kerja logistik dan pengendalian tapak.



Keunikan projek ini terletak pada pendekatan Gotong-Royong Infrastruktur, di mana komuniti setempat memainkan peranan aktif sebagai rakan pelaksana. Seorang kontraktor jalan yang juga penduduk tempatan telah menyumbang kepakaran, tenaga kerja serta penggunaan jentera secara sukarela. Penduduk setempat turut menyumbang tenaga melalui semangat gotong-royong.

Projek ini menyokong aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya:

- SDG 11: Kota & Komuniti Mampan – meningkatkan akses kepada prasarana asas yang selamat
- SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat – memperkukuh kolaborasi antara komuniti, NGO dan pihak berkepentingan

Projek ini membuktikan bahawa kolaborasi komuniti dan semangat gotong-royong mampu menghasilkan impak nyata terhadap keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Oleh Pathma Devi
(Penyelaras Tempatan untuk Ipoh Barat)



Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Speaker Dewan Rakyat di atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Sepanjang bulan ini, APPGM-SDG telah berpeluang untuk mengadakan sesi libat urus di pelbagai kawasan parlimen melalui pelbagai mesyuarat dan acara seperti Pelancaran Laporan Cadangan Dasar, penyerahan rasmi Laporan Awal Intervensi Dasar (kolaborasi antara Yayasan Hasanah dan APPGM-SDG), dan banyak lagi. Kejayaan ini dicapai hasil daripada usaha dedikasi antara Ahli-ahli Parlimen dan APPGM-SDG. Kami amat menghargai sinergi antara dasar dan tindakan akar umbi ini, dan kami berharap dapat terus memperkukuh kerjasama ini demi memajukan Matlamat Pembangunan Mampan di seluruh Malaysia.



APPGM-SDG



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**



A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.



secretariat@appgm-sdg.com



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>



<https://appgm-sdg.com/>